



# LAPORAN PERANGKAAAN SUKU TAHUNAN



SUKU TAHUN KETIGA  
(JULAI-SEPTEMBER)

# 2011



JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## ISI KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan .....</b>	<b>i</b>
<b>1. Pelesenan Dan Penguatkuasaan</b>	
A. Pelesenan Perumahan Swasta .....	<b>1</b>
B. Penguatkuasaan .....	<b>9</b>
<b>2. Pengurusan Projek Perumahan Bermasalah</b>	
A. Pemantauan Projek Perumahan Swasta.....	<b>12</b>
B. Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai.....	<b>15</b>
<b>3. Bahagian Skim Pinjaman Perumahan (SPP) .....</b>	<b>17</b>
<b>4. Program Perumahan Rakyat.....</b>	<b>23</b>
<b>5. Pengurusan Setinggal.....</b>	<b>27</b>
<b>6. Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama .....</b>	<b>28</b>
<b>7. Pengurusan Aduan Oleh JPN .....</b>	<b>29</b>

# PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

## A. PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

### I. PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN

#### PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku ketiga 2011, sejumlah 356 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) kepada pemaju-pemaju perumahan. Ia merangkumi lesen baru sebanyak 289 lesen (81.20%) dan pembaharuan lesen sebanyak 67 lesen (18.82%).

Pengeluaran lesen pemajuan perumahan pada suku ketiga 2011 telah menurun sebanyak 33 lesen (8.48%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (perbandingan antara suku ketiga 2010 dengan suku kedua 2011 [YoY] ).Penurunan ini dicatatkan bagi pembaharuan lesen iaitu 41 lesen (38.00%) manakala lesen baru mencatatkan peningkatan sebanyak 8 lesen (2.85%).

Bagi perbandingan secara suku tahunan (perbandingan antara suku ketiga 2011 dengan suku kedua 2011 [QoQ]), pengeluaran lesen pemajuan perumahan telah menurun sebanyak 62 lesen (14.83%). Penurunan ini dicatatkan bagi lesen baru iaitu sebanyak 21 lesen (6.77%) dan pembaharuan lesen sebanyak 41 lesen (37.96%).

#### JADUAL 1 :

#### PRESTASI PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN PADA SUKU KETIGA 2011

PENGELUARAN	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
<b>LESEN</b>	<b>356</b>	<b>(8.48)</b>	<b>(14.83)</b>
BARU	289	2.85	(6.77)
PEMBAHARUAN	67	(38.00)	(37.96)

## **PRESTASI PELESENAN MENGIKUT NEGERI**


Pembinaan projek perumahan bagi suku ketiga 2011 adalah tertumpu di negeri Selangor, Johor dan Perak yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi. Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan projek perumahan berlesen yang tertinggi iaitu sebanyak 89 projek (25.00%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam lesen baru (77 projek). Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan lesen pemaajuan perumahan sebanyak 75 projek (21.10%) yang merangkumi lesen baru (56 projek) dan pembaharuan lesen (19 projek). Namun demikian, negeri Perlis hanya mencatatkan satu projek yang memperoleh lesen baru dan tiada projek perumahan yang mendapat pembaharuan lesen pada suku ketiga 2011.

### **JADUAL 2 :**

#### **BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU KETIGA 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BARU</b>	<b>PEMBAHARUAN</b>	<b>JUMLAH</b>
SELANGOR	77	12	<b>89</b>
JOHOR	56	19	<b>75</b>
PERAK	34	9	<b>43</b>
PULAU PINANG	24	8	<b>32</b>
KEDAH	25	2	<b>27</b>
PAHANG	25	2	<b>27</b>
MELAKA	12	6	<b>18</b>
NEGERI SEMBILAN	12	6	<b>18</b>
KELANTAN	6	3	<b>9</b>
W.P. KUALA LUMPUR	8	0	<b>8</b>
TERENGGANU	6	0	<b>6</b>
W.P. PUTRAJAYA	3	0	<b>3</b>
PERLIS	1	0	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>289</b>	<b>67</b>	<b>356</b>

**GRAF 1 :**  
**BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA**  
**SUKU KEDUA 2011**



## II. PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku ketiga 2011, sejumlah 584 permit iklan dan jualan pemaju perumahan telah dikeluarkan oleh JPN yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 286 permit (48.97%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 298 permit (51.03%).

Pengeluaran permit iklan dan jualan pada suku ketiga 2011 telah menurun sebanyak 79 permit (11.92%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh pengeluaran permit iklan dan jualan mencatatkan penurunan sebanyak 100 permit (25.13%) bagi pembaharuan permit iklan dan jualan manakala bagi pengeluaran permit iklan dan jualan baru pula mencatatkan peningkatan sebanyak 21 permit (7.92%).

Bagi perbandingan suku tahunan, pengeluaran permit iklan dan jualan telah menurun sebanyak 162 permit (21.72%). Kedua-dua jenis permit iklan dan jualan masing-masing mempamerkan penurunan sebanyak 7.44% (permit iklan dan jualan baru) dan sebanyak 31.81% (pembaharuan permit iklan dan jualan).

### JADUAL 3 :

#### PRESTASI PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN PADA SUKU KETIGA 2011

PENGELUARAN	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
<b>PERMIT DAN IKLAN JUALAN</b>	<b>584</b>	<b>(11.92)</b>	<b>(21.72)</b>
BARU	286	7.92	(7.44)
PEMBAHARUAN	298	(25.13)	(31.81)

## **PRESTASI PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI**

Bagi suku ketiga 2011, kebanyakan permit iklan dan jualan dikeluarkan kepada pemaju yang melaksanakan projek perumahan di negeri Selangor, Johor dan Perak.


Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan yang mendapat permit iklan dan jualan tertinggi iaitu sebanyak 141 projek (24.14%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam permit iklan dan jualan baru sebanyak 76 projek. Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan permit iklan dan jualan projek perumahan sebanyak 130 projek (22.26%) yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 59 projek dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 71 projek.

Namun begitu, hanya satu permit iklan dan jualan baru dikeluarkan kepada pemaju perumahan di negeri Perlis dari Julai sehingga September 2011.

**JADUAL 4 :**  
**BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI PADA**  
**SUKU KETIGA 2011**

NEGERI	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	76	65	141
JOHOR	59	71	130
PERAK	31	34	65
PULAU PINANG	24	27	51
KEDAH	25	19	44
PAHANG	19	19	38
MELAKA	12	22	34
W.P. KUALA LUMPUR	13	14	27
NEGERI SEMBILAN	7	14	21
KELANTAN	8	7	15
TERENGGANU	9	6	15
W.P PUTRAJAYA	2	0	2
PERLIS	1	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>286</b>	<b>298</b>	<b>584</b>

**GRAF 2 :**  
**BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI PADA**  
**SUKU KETIGA 2011**





### III. UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN

#### PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku ketiga 2011, sebanyak 44,994 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,247 unit (2.80%) adalah rumah kos rendah, 2,071 unit (4.60%) adalah rumah kos sederhana dan 41,676 unit (92.63%) adalah rumah kos bebas.

Bilangan unit rumah yang diluluskan telah meningkat sebanyak 18,787 unit (54.05%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini berlaku dalam kategori rumah kos sederhana iaitu sebanyak 129 (6.64%) dan kos bebas sebanyak 16,627 unit (66.40%).

Bagi perbandingan suku tahun yang sebelumnya, unit rumah yang telah diluluskan mencatatkan peningkatan sebanyak 10,821 unit (31.70%).

#### JADUAL 5 :

##### PRESTASI UNIT YANG DILULUSKAN UNTUK PEMBINAAN PADA SUKU KETIGA 2011

KATEGORI HARGA RUMAH	BILANGAN UNIT	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
<b>SEMUA KATEGORI</b>	<b>44,994</b>	<b>54.05</b>	<b>31.70</b>
KOS RENDAH	1,247	(43.73)	(45.02)
KOS SEDERHANA	2,071	6.64	12.20
KOS BEBAS	41,676	66.40	(38.65)

Daripada jumlah unit rumah yang diluluskan pada suku ketiga 2011, negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai bilangan unit rumah yang diluluskan paling tinggi iaitu sebanyak 11,118 unit (24.71%). Ini diikuti oleh negeri Selangor sebanyak 9,517 unit (21.15%) manakala kelulusan unit rumah di negeri Perlis adalah paling rendah iaitu sebanyak 44 unit (0.10%).

#### PRESTASI UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI HARGA

Bagi rumah kos rendah, negeri Kedah merupakan penyumbang utama kepada bilangan unit rumah kos rendah yang diluluskan iaitu sebanyak 389 unit (31.20%). Ini diikuti oleh negeri Melaka sebanyak 250 unit (20.05%).

Walau bagaimanapun, tiada unit rumah kos rendah yang diluluskan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Perlis.

Bagi rumah kos sederhana, negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai bilangan kelulusan unit rumah tertinggi iaitu sebanyak 1,078 unit (52.05%). Ini diikuti oleh negeri Melaka sebanyak 492 unit(23.80%). Selain itu, tiada unit rumah kos sederhana diluluskan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Perlis.

Semua pemaju perumahan berlesen di Semenanjung Malaysia memperolehi kelulusan pembinaan rumah kos bebas pada suku ketiga 2011. Negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai paling banyak kelulusan pembinaan rumah kos bebas dengan unit rumah sebanyak 9,818 unit (24.00%). Ini diikuti oleh negeri Selangor sebanyak 9,256 unit (22.21%) manakala negeri Perlis hanya terdapat 44 unit rumah diluluskan pada suku ketiga 2011.

**JADUAL 6 :**  
**BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU KETIGA 2011**

NEGERI	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA	KOS BEBAS	SEMUA JENIS
JOHOR	222	1,078	9,818	<b>11,118</b>
SELANGOR	136	125	9,256	<b>9,517</b>
W.P. KUALA LUMPUR			8,203	<b>8,203</b>
KEDAH	389	126	3,330	<b>3,845</b>
MELAKA	250	492	2,523	<b>3,265</b>
PULAU PINANG	194		2,921	<b>3,115</b>
PERAK		15	2,116	<b>2,131</b>
PAHANG	56	61	1,540	<b>1,657</b>
NEGERI SEMBILAN		174	1,155	<b>1,329</b>
KELANTAN			454	<b>454</b>
TERENGGANU			176	<b>176</b>
W.P. PUTRAJAYA			140	<b>140</b>
PERLIS			44	<b>44</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,247</b>	<b>2,071</b>	<b>41,676</b>	<b>44,994</b>

## B. PENGUATKUASAAN

### I. KOMPAUN

#### PRESTASI KESELURUHAN

Bagi suku ketiga 2011, sebanyak 54 notis kompaun yang melibatkan 53 pemaju telah dikeluarkan oleh JPN bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Jumlah kompaun pada suku ketiga 2011 telah menurun sebanyak 210 notis (80.00%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun turut menurun iaitu sebanyak 205 pemaju (79.46%) tetapi jumlah kutipan kompaun meningkat sebanyak RM 880,500.00 (69.50%).

Bagi perbandingan suku tahunan, pengeluaran notis kompaun dan bilangan pemaju dikompaun telah menurun sebanyak 472 notis (90.00%) dan 459 pemaju (89.65%). Manakala, kutipan kompaun juga mempamerkan penurunan sebanyak RM 986,500.00 ataupun 31.50%.

**JADUAL 7 :**  
**STATISTIK KOMPAUN PADA SUKU KETIGA 2011**

PERKARA	JUMLAH	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
NOTIS KOMPAUN	54	(80.00)	(90.00)
PEMAJU DIKOMPAUN	53	(79.46)	(89.65)
KUTIPAN KOMPAUN	RM 2,147,500.00	69.50	(31.50)


**JADUAL 8 :  
STATISTIK KOMPAUN MENGIKUT BULAN BAGI SUKU KETIGA 2011**

BULAN	KESALAHAN		BILANGAN PEMAJU DIKOMPAN	JUMLAH KUTIPAN ( RM )
	AKTA	PERATURAN		
JULAI	8	15	22	897,000.00
OGOS	0	0	0	873,500.00
SEPTEMBER	31	0	31	377,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>39</b>	<b>15</b>	<b>53</b>	<b>2,147,500.00</b>

**PRESTASI KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN**

Kegagalan mengemukakan Laporan Kemajuan Projek (Seksyen 7 (f)) merupakan kesalahan paling banyak dikenakan kompaun iaitu sebanyak 31 notis (57.40%). Ini diikuti oleh kesalahan Iklan dan Penjualan Peraturan 6 (1) sebanyak 13 notis (24.10%) serta Kegagalan mengemukakan Laporan Audit (Seksyen 7(e) ) sebanyak 8 notis (14.81%).

**GRAF 3 :  
JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN PADA SUKU KETIGA 2011**



## II. PENDAKWAAN

### PRESTASI KESELURUHAN

Bagi suku ketiga 2011, sebanyak 66 kes yang melanggar peruntukan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan telah didaftarkan di mahkamah untuk didakwa. Sebanyak 57 kes telah diselesaikan dan baki 9 kes masih berjalan di mahkamah.

#### JADUAL 9 :

##### STATISTIK PENDAKWAAN DARI JULAI HINGGA SEPTEMBER 2011

BULAN	JUMLAH KES BARU YANG DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH	JUMLAH KES MASIH BERJALAN DI MAHKAMAH	JUMLAH SELESAI
JULAI	18	-1	19
OGOS	38	30	8
SEPTEMBER	10	-20	30
JUMLAH	66	9	57

## III. SENARAI HITAM

Sehingga suku ketiga 2011, sebanyak 1,292 orang pemaju serta 4,671 orang Ahli Lembaga Pengarah telah disenarai hitamkan.

## **PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN BERMASALAH**

### **A. PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA**

#### **I. PROJEK LANCAR**

Bagi suku ketiga 2011, terdapat 3,132 projek berjalan lancar di Semenanjung Malaysia melibatkan 420,640 unit rumah dan 245,495 pembeli.

Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mempunyai bilangan Projek Lancar yang paling tinggi iaitu sebanyak 26.82% ataupun 840 projek yang melibatkan 123,378 unit rumah dan 70,876 pembeli. Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 16.89% ataupun 529 projek yang melibatkan 148,262 unit rumah dan 103,293 pembeli.

#### **JADUAL 10 :**

##### **STATISTIK PROJEK LANCAR MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PROJEK</b>	<b>BILANGAN UNIT RUMAH</b>	<b>BILANGAN PEMBELI</b>
SELANGOR	840	123,378	70,876
JOHOR	529	148,262	103,293
PERAK	489	23,224	13,080
KEDAH	277	19,048	5,228
PULAU PINANG	251	22,121	10,094
PAHANG	187	12,017	4,657
W.P.KUALA LUMPUR	172	38,317	25,755
NEGERI SEMBILAN	144	21,065	5,530
MELAKA	93	6,361	3,869
KELANTAN	69	3,485	1,717
TERENGGANU	60	2,260	757
PERLIS	21	1,102	639
<b>JUMLAH</b>	<b>3,132</b>	<b>420,640</b>	<b>245,495</b>

## II. PROJEK LEWAT

Bagi suku ketiga 2011, bilangan Projek Lewat adalah sebanyak 47 projek yang melibatkan sebanyak 4,417 unit rumah dan 3,112 pembeli.

Bilangan Projek Lewat yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 21 projek (44.68%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mencatatkan 8 projek (17.02%). Selain itu, tiada Projek Lewat dilaporkan di negeri Kedah, Melaka, Perlis dan Terengganu.

### JADUAL 11 :

#### STATISTIK PROJEK LEWAT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	21	1,923	1,456
W.P. KUALA LUMPUR	8	920	706
PAHANG	6	463	149
NEGERI SEMBILAN	4	276	133
JOHOR	3	108	74
KELANTAN	2	349	335
PULAU PINANG	2	342	235
PERAK	1	36	24
KEDAH	0	0	0
MELAKA	0	0	0
PERLIS	0	0	0
TERENGGANU	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>	<b>4,417</b>	<b>3,112</b>

### III. PROJEK SAKIT

Bagi suku ketiga 2011, bilangan Projek Sakit adalah sebanyak 245 projek yang melibatkan sebanyak 40,078 unit rumah dan 28,370 pembeli.

Bilangan Projek Sakit yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 94 projek (38.37%) dan diikuti oleh negeri Johor dengan 35 projek (14.29%).

#### JADUAL 12 :

#### STATISTIK PROJEK SAKIT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	94	18,768	13,292
JOHOR	35	7,195	5,701
KELANTAN	26	1616	1186
KEDAH	15	2,305	1315
TERENGGANU	15	1053	847
PAHANG	14	1,308	949
PULAU PINANG	13	2017	1357
W.P. KUALA LUMPUR	12	3,113	2,063
NEGERI SEMBILAN	10	1,593	1087
PERAK	6	752	332
MELAKA	4	329	212
PERLIS	1	29	29
<b>JUMLAH</b>	<b>245</b>	<b>40,078</b>	<b>28,370</b>



## B.PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI

### I. STATUS PROJEK TERBENGGALAI

Sehingga 30 September 2011, terdapat 116 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 42,397 unit rumah dan 28,565 pembeli. Daripada 116 projek tersebut, sebanyak 32 projek (27.59%) telah dikeluarkan daripada senarai terbengkalai selepas berjaya dipulihkan atau diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 62 projek (53.45%) sedang dalam proses pemulihan dan sebanyak 22 projek (18.96%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan.

Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah projek perumahan terbengkalai masih kekal sebanyak 116 projek. Dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh JPN, bilangan projek yang telah diselesaikan dan dikeluarkan daripada senarai terbengkalai telah meningkat sebanyak 4 projek (14.29%) berbanding dengan suku kedua tahun 2011. Bilangan projek yang sedang dalam proses pemulihan mencatatkan penurunan sebanyak 8 projek (14.81%), manakala bilangan projek dalam peringkat awal perancangan pemulihan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 12 projek (35.29%).


#### JADUAL 13 :

##### STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI PADA SUKU KETIGA 2011

STATUS	BILANGAN PROJEK	% PERUBAHAN SUKU TAHUN (QoQ)
PERANCANGAN AWAL	22	(35.29)
SEDANG DIPULIHKAN	62	14.81
DIKELUARKAN DARI SENARAI	32	14.29
<b>JUMLAH</b>	<b>116</b>	<b>0.00</b>

#### GRAF 4 :

##### STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI PADA SUKU KETIGA 2011



## PROJEK TERBENGGALAI MENGIKUT NEGERI

Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan terbengkalai paling tinggi iaitu sebanyak 40 projek (21,735 unit rumah dan 16,125 pembeli) dan diikuti oleh negeri Johor iaitu sebanyak 17 projek (7,840 unit rumah dan 3,695 pembeli). Selain itu, negeri yang tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai adalah negeri Perlis.

**JADUAL 14 :**  
**STATISTIK PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**

NEGERI	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	40	21,735	16,125
JOHOR	17	7,840	3,695
NEGERI SEMBILAN	16	2,542	1,847
PERAK	9	1,717	930
PULAU PINANG	8	3,298	2,338
KEDAH	7	669	549
PAHANG	7	1,754	1,064
KELANTAN	4	569	404
W.P. KUALA LUMPUR	4	1,442	914
MELAKA	3	810	680
TERENGGANU	1	21	19
PERLIS	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>116</b>	<b>42,397</b>	<b>28,565</b>

## **BAHAGIAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN ( SPP )**

### **I. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN**

#### **PERMOHONAN**

Pada suku ketiga 2011, sebanyak 11 permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) telah diterima dan sebanyak 12 permohonan pinjaman SPP telah diluluskan. Ia merangkumi permohonan yang diterima dan diproses pada bulan-bulan sebelumnya. Bagi perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun sebelumnya, jumlah permohonan mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 26 permohonan (70.27%) manakala bagi perbandingan suku kedua 2011, jumlah permohonan juga mencatatkan penurunan sebanyak 27 permohonan (71.05%). Kelulusan pinjaman SPP juga mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 8 permohonan (40.00%) dan 29 permohonan (70.73%) berbanding dengan suku ketiga 2010 dan suku kedua 2011.

**JADUAL 15 :**  
**STATISTIK PERMOHONAN PADA SUKU KETIGA 2011**

<b>JENIS</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>% PERUBAHAN</b>	
		<b>TAHUNAN ( YoY )</b>	<b>SUKU TAHUN (QoQ)</b>
<b>PERMOHONAN</b>	11	(70.27)	(71.05)
<b>KELULUSAN</b>	12	(40.00)	(70.73)

**JADUAL 16 :**  
**STATISTIK PERMOHONAN DARI JULAI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**

<b>BULAN</b>	<b>BIL PERMOHONAN</b>	<b>BIL KELULUSAN</b>	<b>JUMLAH PINJAMAN ( RM )</b>
<b>JULAI</b>	4	8	200,765.76
<b>OGOS</b>	2	3	70,645.92
<b>SEPTEMBER</b>	5	1	25,501.40
<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>	<b>12</b>	<b>296,913.08</b>

## STATUS KEWANGAN

Sehingga 30 September 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 14,229,003.20. Bayaran yang telah dikeluarkan kepada peminjam adalah sebanyak RM 87,260,431.90 dan baki bayaran yang akan dikeluarkan berjumlah RM 2,969,697.06. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran daripada peminjam adalah sebanyak RM 49,939,282.09.

### JADUAL 17 :

#### STATUS KEWANGAN SPP DARI TAHUN 1976 HINGGA 30 SEPTEMBER 2011

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN TABUNG	70,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	49,939,282.09
<b>BAYARAN</b>	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	87,260,431.90
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR ( TANGGUNGAN )	2,969,697.06
<b>BAKI BERSIH</b>	<b>14,229,003.20</b>

### KUTIPAN BAYARAN BALIK

Dari segi pengutipan bayaran balik pinjaman SPP, sejumlah RM 913,243.47 telah diterima daripada 2,115 peminjam pada suku ketiga 2011. Jumlah kutipan bayaran balik telah mencatatkan penurunan sebanyak 33.66% dan sebanyak 54.97 % berbanding dengan suku tahun yang sama pada tahun 2010 dan suku kedua 2011.

## TUNGGAKAN BAYARAN

Jumlah tunggakan bayaran menurun sebanyak RM 2,348,937.99 (25.41%) daripada RM 9,244,467.70 kepada RM 6,895,529.71 berbanding suku yang sama tahun 2010. Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah tunggakan berkurang RM 13,754.76 (0.20%).

### JADUAL 18 :

#### STATISTIK KUTIPAN DAN TUNGGAKAN SPP PADA SUKU KETIGA 2011

PERKARA	RM	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
KUTIPAN	913,243.47	(33.66)	(54.97)
TUNGGAKAN	6,895,243.47	(25.41 )	(0.20)

### JADUAL 19 :

#### KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (SPP) SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011

BULAN	KUTIPAN ( RM )	BIL. PEMINJAM
JULAI	441,757.64	869
OGOS	341,213.10	866
SEPTEMBER	130,272.73	380
<b>JUMLAH</b>	<b>913,243.47</b>	<b>2,115</b>


**JADUAL 20 :**

**TUNGGAKAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**

NEGERI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BILANGAN PEMINJAM
KELANTAN	2,704,389.86	854
KEDAH	2,147,967.93	623
PERAK	1,128,379.77	311
TERENGGANU	291,616.86	65
JOHOR	278,183.58	102
PAHANG	171,116.16	66
NEGERI SEMBILAN	67,817.19	16
SELANGOR	40,822.77	14
PERLIS	31,930.37	11
MELAKA	24,311.27	11
W.P.KUALA LUMPUR	8,993.95	1
PULAU PINANG	0.00	0
<b>JUMLAH</b>	<b>6,895,529.71</b>	<b>2,074</b>

**GRAF 5 :**

**TUNGGAKAN BAYARAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**



## RUMAH YANG SIAP DIBINA

Pada suku ketiga 2011, sebanyak 12 unit rumah telah siap dibina oleh peminjam SPP. Sehingga 30 September 2011, bilangan unit rumah yang dibina oleh peminjam SPP adalah sebanyak 7,852 unit. Daripada jumlah tersebut, 6,380 unit (81.25%) rumah peminjam telah siap dibina manakala bakinya 1,472 unit (18.75%) masih dalam pelbagai peringkat pembinaan.

### JADUAL 21 :

#### STATUS PEMBINAAN RUMAH DIBAWAH SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011

NEGERI	BILANGAN PEMOHONAN DILULUSKAN ( KELULUSAN BERSIH )	UNIT SIAP DIBINA	UNIT DALAM PEMBINAAN
KELANTAN	3,313	2,368	945
KEDAH	1,600	1,464	136
PERAK	1,090	978	112
TERENGGANU	616	514	102
PAHANG	327	267	60
SELANGOR	321	288	33
JOHOR	314	253	61
PERLIS	96	88	8
MELAKA	79	67	12
NEGERI SEMBILAN	78	76	2
W.P.KUALA LUMPUR	13	12	1
PULAU PINANG	5	5	0
<b>JUMLAH</b>	<b>7,852</b>	<b>6,380</b>	<b>1,472</b>

## II. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN RAKYAT NEGERI TERENGGANU (SPPRNT)

### PERMOHONAN

Pada suku ketiga 2011, sebanyak 3 permohonan Skim Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT) telah diterima. Namun begitu, tiada permohonan mendapat kelulusan pinjaman SPPRNT. Sehingga 30 September 2011, sebanyak 21 permohonan masih dalam proses kelulusan.

**JADUAL 22 :**  
**STATISTIK PERMOHONAN SPPRNT BAGI SUKU KEDUA 2011**

PERKARA	JUMLAH
BILANGAN PERMOHONAN DITERIMA	3
BILANGAN PERMOHONAN DITOLAK	1
BILANGAN PERMOHONAN DALAM PROSES	21
BILANGAN PERMOHONAN DIBATAL	0
BILANGAN PERMOHONAN DILULUSKAN	0

### KEDUDUKAN KEWANGAN

Sehingga 30 September 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 4,216,547.61. Bayaran yang telah dikeluarkan kepada peminjam adalah sebanyak RM 13,700,965.06 dan bayaran yang akan dikeluarkan berjumlah RM 294,504.40. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran daripada peminjam sebanyak RM 5,848,027.55

**JADUAL 23 :**  
**STATUS KEWANGAN SPPRNT DIBAWAH DANA KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**SEHINGGA 30 JUN 2011**

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN ASAL TABUNG	20,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	5,848,027.55
<b>BAYARAN</b>	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	13,700,965.06
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR ( TANGGUNGAN )	294,504.40
<b>BAKI BERSIH</b>	<b>4,216,547.61</b>



## PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT( PPR )

### I. PRESTASI KESELURUHAN

Sehingga 30 September 2011, JPN telah melaksanakan 119 projek PPR (84,131 unit) yang meliputi 88 projek (76,159 unit) PPR Disewa dan 31 projek (7,972) PPR Dimiliki.

Bagi PPR Disewa, sebanyak 63 projek yang mengandungi 62,216 unit telah siap dibina, manakala 25 projek (13,943 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 21 projek (3,030 unit) telah pun siap dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO), manakala 10 projek (4,942 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

#### JADUAL 24 :

#### STATUS PELAKSANAAN PPR KESELURUHAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011

PROGRAM	JUMLAH PROJEK		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN		JUMLAH PROJEK DALAM PERANCANGAN	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
<b>PPR Disewa</b>	<b>88</b>	<b>*76,159</b>	<b>63</b>	<b>62,216</b>	<b>22</b>	<b>12,993</b>	<b>3</b>	<b>950</b>
i) PPR Disewa Bersepadu	53	53,348	50	51,348	8	4,698	0	0
ii) PPR Disewa Dasar Baru	35	22,811	13	10,868	14	8,295	3	950
<b>PPR Dimiliki (Pahang)</b>	<b>31</b>	<b>7,972</b>	<b>21</b>	<b>3,030</b>	<b>6</b>	<b>1,522</b>	<b>4</b>	<b>3,420</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>119</b>	<b>84,131</b>	<b>84</b>	<b>65,246</b>	<b>28</b>	<b>14,515</b>	<b>7</b>	<b>4,370</b>

Nota:

\* Berbanding suku kedua 2011, pengurangan jumlah unit kepada 76,159 adalah disebabkan pengurangan Bilangan unit PPR Ketiau dari 800 unit kepada 696 unit dan PPR Selagon kepada 67 unit.

## II. STATUS PENGISIAN PPR DISEWA

Bagi PPR Disewa, sebanyak 56,020 unit telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pengisian sehingga 30 September 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52,538 unit (93.78%) telah disewakan berbanding 52,159 unit pada 30 Jun 2011 iaitu dengan peningkatan sebanyak 379 unit (5.57%). Baki unit yang belum disewakan adalah sebanyak 3,842 unit (6.21%). Secara keseluruhan, di antara negeri yang mempunyai banyak kekosongan unit adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1,056 unit (30.32%), negeri Johor 974 unit (27.97%) dan negeri Selangor 710 unit (20.39%).

### JADUAL 25 :

#### STATUS PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011

NEGERI	BILANGAN ( UNIT )	JUMLAH DIISI ( UNIT )	BELUM DIISI ( UNIT )
W.P. KUALA LUMPUR	28,970	27,914	1,056
SABAH	11,031	10,548	483
JOHOR	6,784	5,810	974
SELANGOR	3,304	2,594	710
KEDAH	1,894	1,807	87
PERLIS	1,228	1,102	126
SARAWAK	1,016	1,016	0
PULAU PINANG	698	678	20
PERAK	675	649	26
NEGERI SEMBILAN	420	420	0
<b>JUMLAH</b>	<b>56,020</b>	<b>52,538</b>	<b>3,482</b>

### III. KEDUDUKAN TABUNG AMANAH PPR DIMILIKI

Sehingga 30 September 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 35,092,423.96. Bayaran yang telah dibuat kepada kontraktor adalah sebanyak RM 200,935,622.49 dan bayaran yang akan dibayar berjumlah RM 148,337,831.64. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran pembelian rumah PPR Dimiliki adalah sebanyak RM 73,914,621.31.

#### JADUAL 26 :

#### STATUS KEWANGAN BAGI TABUNG AMANAH PPR DIMILIKI HINGGA 30 SEPTEMBER 2011

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN TABUNG	747,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	73,914,621.31
<b>BAYARAN</b>	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR	200,935,622.49
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR (TANGGUNGAN)	148,337,831.64
<b>BAKI BERSIH</b>	<b>35,092,423.96</b>

### IV. STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Sehingga 30 September 2011, sebanyak 3,030 unit telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,547 unit (84.10%) telah dijual dan diserahkan kunci kepada pembeli serta 385 unit (12.71%) dalam proses penjualan, sementara baki sebanyak 98 (3.23%) unit adalah masih kosong.

**JADUAL 27 :****STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK PPR (M)</b>	<b>UNIT</b>	<b>BIL. UNIT DIJUAL</b>	<b>DALAM PROSES PINJAMAN</b>	<b>BIL. UNIT KOSONG</b>
	<b>Daerah Rompin</b>				
1	Muadzam Shah	150	147	1	2
2	Parit Raja	150	134	16	0
	<b>Daerah Lipis</b>				
3	Kerambit	100	79	21	0
4	Padang Tengku	100	97	3	0
	<b>Daerah Maran</b>				
5	Jengka	300	299	1	0
	<b>Daerah Bera</b>				
6	Bukit Mendi	150	136	14	0
	<b>Daerah Raub</b>				
7	Batu 17, Tersang	150	122	28	0
8	Tanjung Putus	100	96	4	0
	<b>Daerah Temerloh</b>				
9	Bolok Hilir	150	120	20	10
10	Pamah Kaseh	150	113	37	0
11	Paya Sok	100	12	54	34
	<b>Daerah Pekan</b>				
12	Tg. Agas	150	118	32	0
13	Paloh Hinai	150	149	1	0
14	Kuala Pahang	318	312	6	0
15	Tg. Selangor Fasa I	100	100	0	0
16	Tg. Selangor Fasa II	62	53	9	0
17	Tg .Batu	150	117	29	4
	<b>Daerah Kuantan</b>				
18	Kg. Hijrah	150	121	29	0
19	Kg. Baru Gambang	150	147	3	0
	<b>Daerah Jerantut</b>				
20	Ibol Tunggal	100	72	28	0
	<b>Daerah Rompin</b>				
21	Leban Chondong	100	3	49	48
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3,030</b>	<b>2,547</b>	<b>385</b>	<b>98</b>

## PENGURUSAN SETINGGAN

Sehingga 30 September 2011, bilangan keluarga setinggan yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 81,393 keluarga. Berbanding dengan 30 Jun 2011, bilangan keluarga setinggan telah meningkat sebanyak 182 keluarga (0.22%).

Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai paling ramai setinggan iaitu 37,914 keluarga (46.58%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 10,892 keluarga (35.70%), manakala negeri Melaka hanya mempunyai 29 keluarga setinggan (0.04%) dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan keluarga setinggan yang paling rendah.

**JADUAL 28 :**  
**STATISTIK SETINGGAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BIL. KELUARGA</b>	<b>BIL. AHLI KELUARGA</b>	<b>BIL. BANGUNAN</b>
Sabah	37,914	142,187	25,328
Johor	10,892	TM	10,842
Sarawak	8,765	35,233	7,972
Perak	4,411	TM	
Pulau Pinang	3,438	15,523	2,075
Selangor	3,299	3,299	3,299
W.P. Kuala Lumpur	3,236	16,180	3,236
Kedah	3,015	15,070	3,015
Perlis	1,832	8,670	1,832
Kelantan	1,431	5,828	1,392
Pahang	1,133	4411	934
W.P. Labuan	970	5,521	970
Terengganu	682	2,206	613
Negeri Sembilan	346	585	239
Melaka	29	99	29
<b>JUMLAH</b>	<b>81,393</b>	<b>*</b>	<b>61,776</b>

**NOTA :**

\* - Jumlah bil. ahli keluarga tidak dapat diperolehi kerana ada negeri-negeri tiada maklumat tersebut.

TM - Tiada Maklumat

## PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA

Sehingga 30 Jun 2011, bilangan kawasan pemajuan iaitu tanah hak milik muktamad yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada unit dibina atau sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 12,931.

Sejumlah 4,353 aduan telah diterima oleh unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi seluruh Semenanjung Malaysia bagi suku ketiga 2011. Daripada jumlah aduan yang diterima, aduan mengenai Khidmat Nasihat merupakan yang utama yang diterima iaitu sebanyak 1,333 aduan (30.62%), diikuti oleh aduan berkaitan Pentadbiran dan Pengurusan yang mencatatkan jumlah aduan sebanyak 865 aduan (20.00%). Bilangan aduan mengenai Penguatkuasaan COB merupakan aduan yang terendah diterima iaitu 170 aduan (4.00%).

Negeri Selangor mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu sebanyak 1,467 aduan (34.00%) dan diikuti oleh negeri Johor sebanyak 1,007 aduan (23.13%).

**JADUAL 29 :**  
**STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB DI PBT MENGIKUT NEGERI DAN JENIS BAGI SUKU KETIGA 2011**

NEGERI	JENIS ADUAN							JUMLAH ADUAN
	Khidmat Nasihat	Pentadbiran dan Pengurusan	ISU KEWANGAN	PENYENGGARAAN DAN KEROSAKAN	MESYUARAT DAN PEMILIHAN	LAIN-LAIN	PENGUATKUASAA N COB	
SELANGOR	558	162	247	241	109	127	23	<b>1,467</b>
JOHOR	446	290	71	101	91	3	5	<b>1,007</b>
PULAU PINANG	170	274	148	131	142	11	2	<b>878</b>
W. PERSEKUTUAN	76	73	84	67	197	76	36	<b>609</b>
NEGERI SEMBILAN	31	36	21	29	15	1	92	<b>225</b>
PAHANG	6	8	7	10	13	3	10	<b>57</b>
MELAKA	15	16	6	9	4	3	2	<b>55</b>
PERAK	19	6	3	2	0	1	0	<b>31</b>
KEDAH	6	0	6	0	0	2	0	<b>14</b>
TERENGGANU	4	0	0	0	1	0	0	<b>5</b>
KELANTAN	2	0	1	0	1	0	0	<b>4</b>
PERLIS	0	0	0	0	0	1	0	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,333</b>	<b>865</b>	<b>594</b>	<b>590</b>	<b>573</b>	<b>228</b>	<b>170</b>	<b>4,353</b>

## PENGURUSAN ADUAN OLEH JPN

Sehingga 30 September 2011, sebanyak 2,147 aduan berkaitan perumahan telah diterima oleh JPN dari pelbagai sumber. Sebanyak 2,008 aduan (93.50%) telah diselesaikan dan bakinya masih dalam tindakan. Kebanyakan aduan yang masih dalam tindakan adalah aduan dalam kategori teknikal dan rumit untuk diselesaikan.

Saluran aduan yang paling banyak digunakan oleh pengadu adalah melalui surat/faks iaitu sebanyak 563 aduan (26.20%). Ini diikuti melalui laman web sebanyak 447 aduan (20.80%). Saluran aduan yang paling kurang digunakan oleh pengadu adalah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) iaitu sebanyak 1 aduan (0.10%).

**JADUAL 30:**  
**BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN OLEH JPN BAGI SUKU KETIGA 2011**

TINDAKAN	JUMLAH ADUAN
TERIMA	2,147
DALAM TINDAKAN	139
% DALAM TINDAKAN	6.50%
SELESAI	2,008
% SELESAI	93.50%

**GRAF 6 :**  
**SUMBER ADUAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2011**

